PP lwn. RAGUNATHAN SELVAMANI & RAYUAN YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
MOHAMED ZAINI MAZLAN HMR
NOORIN BADARUDDIN H
[RAYUAN JENAYAH NOS: B-05-558-11-2023, B-05-559-11-2023 & B-05-560-11-2023]
21 JULAI 2025

Abstrak – *Jika mahkamah meminda pertuduhan di akhir kes pihak pendakwaan, itu akan memberi kesan bahawa tertuduh telah dibebaskan daripada pertuduhan asal. Mahkamah dikira telah memberikan keputusan/perintah yang muktamad terhadap tertuduh bagi pertuduhan asal. Dalam keadaan sebegitu, pihak pendakwaan boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan/perintah mahkamah itu, walaupun rayuan itu dikemukakan di akhir kes pihak pendakwaan.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi – Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') meminda pertuduhan bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') kepada pertuduhan bawah s. 304(a) KK ('pertuduhan pindaan') – Tertuduh-tertuduh diperintah membela diri terhadap pertuduhan pindaan – Sama ada HMT terkhilaf – Sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesemua inti pati bagi kesalahan bawah s. 302 KK – Sama ada pihak pendakwaan berhak merayu terhadap keputusan HMT di akhir kes pihak pendakwaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan ke Mahkamah Persekutuan – Mahkamah Rayuan mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang meminda pertuduhan bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') ('pertuduhan asal') kepada pertuduhan bawah s. 304(a) KK – Tertuduh-tertuduh diperintah membela diri terhadap pertuduhan asal – Sama ada tertuduh-tertuduh berhak merayu terhadap dapatan prima facie di akhir kes pihak pendakwaan*

Ini adalah rayuan oleh pihak pendakwaan ('perayu'). Di Mahkamah Tinggi, ketiga-tiga tertuduh telah dituduh bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') dibaca bersama-sama s. 34 KK bagi kesalahan dengan niat bersama membunuh seorang individu ('si mati') ('pertuduhan asal'). Di akhir kes pihak pendakwaan, Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah memutuskan bahawa satu kes *prima facie* bawah s. 302 KK tidak dapat diwujudkan berikutan kegagalan pihak pendakwaan membuktikan inti pati niat bawah seksyen tersebut. Oleh kerana keterangan adalah mencukupi untuk membuktikan kes *prima facie* bawah s. 304(a) KK, berdasarkan s. 158 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), pertuduhan asal itu telah dipinda kepada

pertuduhan bawah s. 304(a) KK dibaca bersama-sama s. 34 KK, bagi kesalahan tertuduh-tertuduh dengan niat bersama telah menyebabkan kematian si mati, namun itu tidak terjumlah pada satu pembunuhan ('pertuduhan pindaan'). HMT seterusnya memerintahkan tertuduh-tertuduh membela diri terhadap pertuduhan pindaan ('keputusan HMT'). Terkilan, perayu mengemukakan rayuan terhadap keputusan HMT. Menurut perayu, dalam mencapai keputusan tersebut, HMT telah terkhilaf dalam dapatan fakta dan undang-undang. Bagi rayuan ini, tertuduh-tertuduh telah membangkitkan bantahan awalan bahawa rayuan ini tidak bermerit serta pramatang kerana telah difailkan pada masa perbicaraan masih berjalan dan belum diputuskan hingga muktamad. Sebaliknya, bagi menentang bantahan awalan, perayu telah menyatakan bahawa, berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *PP v. Letchumanan Suppiah* ('*Letchumanan*'), perayu berhak mengemukakan rayuan terhadap keputusan HMT, walaupun itu dibuat di akhir kes pihak pendakwaan. Sehubungan itu, selain isu berkenaan bantahan awalan, oleh kerana tertuduh-tertuduh telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan bagi rayuan ini, isu sama ada tertuduh-tertuduh berhak mengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah ini, yang mengarahkan tertuduh-tertuduh membela diri terhadap pertuduhan asal, turut timbul.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi)

Oleh Ahmad Zaidi Ibrahim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Berdasarkan prinsip dalam *Letchumanan*, keputusan HMT yang meminda pertuduhan asal kepada kesalahan yang lebih rendah, iaitu kepada s. 304(a) KK, membawa kesan bahawa tertuduh-tertuduh telah dibebaskan daripada pertuduhan asal. Hatta, HMT telah memberikan satu perintah muktamad terhadap tertuduh-tertuduh berhubung kesalahan bawah s. 302 KK, yang membolehkan rayuan terhadap keputusan HMT difailkan oleh perayu. Sehubungan itu, rayuan ini adalah matang, kompeten dan berhak untuk difailkan oleh perayu. (perenggan 29-31)

(2) Setiap inti pati pertuduhan asal termasuk inti pati niat telah berjaya dipenuhi oleh pihak pendakwaan. Selaras kehendak s. 180 KTJ, didapati bahawa satu kes *prima facie* bawah s. 302 KK telah berjaya dibuktikan. Berikutan itu, HMT nyata terkhilaf dalam dapatan fakta dan undang-undangnya. Keputusan HMT seterusnya diketepikan dan tertuduh-tertuduh diperintahkan untuk membela diri terhadap pertuduhan asal bawah s. 302 KK. (perenggan 32)

(3) Dalam keadaan apabila tertuduh telah dipanggil untuk membela diri ekoran dapatan bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan, tertuduh tidak mempunyai hak merayu di peringkat itu. Tambahan lagi, menurut kes *Karpal Singh Ram Singh v. PP*, tiada keperluan bawah peruntukan undang-undang untuk mahkamah memberikan alasan dalam memutuskan kes *prima facie*. Lantaran itu, jelas keputusan mahkamah bagi rayuan ini tidak boleh dirayu. Malah, rayuan tertuduh-tertuduh adalah satu rayuan yang pramatang. Tertuduh-tertuduh hendaklah mengemukakan pembelaan mereka kerana hak mereka untuk merayu hanya akan timbul di akhir kes pihak pembelaan. (perenggan 34, 37 & 38)

English *Headnotes*

This was an appeal by the prosecution ('appellant'). At the High Court, the three accused persons were arraigned to answer a charge under s. 302 of the Penal Code ('PC') read together with s. 34 of the PC, for the offence of, with common intention, murdering a person ('deceased') ('original charge'). At the end of the prosecution's case, the High Court Judge ('HCJ') opined that as the prosecution failed to prove the mental element under s. 302 of the PC, a *prima facie* case under the said section had not been made out. As the evidence were sufficient to establish a *prima facie* case under s. 304(a) of the PC, pursuant to s. 158 of the Criminal Procedure Code ('CPC'), the original charge was amended to a charge under s. 304(a) of the PC read together with s. 34 of the PC, for the offence of, with common intention, causing the death of the deceased but not amounting to murder ('amended charge'). The HCJ then ordered the accused persons to enter their defence against the amended charge ('HCJs decision'). Aggrieved, the appellant filed an appeal against the HCJ's decision. According to the appellant, the HCJ had erred in fact and in law in arriving at His Lordship's decision. Nevertheless, in contesting the appeal, the accused persons had raised a preliminary objection ('PO') that the present appeal was without merit and premature because it was filed at the time the proceedings were still commencing and yet to be concluded. On the other hand, in rejecting the PO, the appellant had contended that, pursuant to the Federal Court decision in *PP v. Letchumanan Suppiah* ('*Letchumanan*'), it was entitled to initiate the present appeal, even if the same was commenced at the end of the prosecution' case. Therefore, other than the said issue pertaining to the PO, considering that the accused persons had filed an appeal against this court's decision for this appeal, the issue of whether the accused persons were entitled to file an appeal against this court's decision, which ordered the accused persons to enter their defence against the original charge, had also arisen.

Held (allowing appeal; setting aside decision of High Court)
Per Ahmad Zaidi Ibrahim JCA delivering the judgment of the court:

(1) Based on the principle enumerated in *Letchumanan*, the HCJ's decision to amend the original charge to a lesser charge under s. 304(a) of the PC had the effect of discharging the accused persons from the original charge. Therefore, the HCJ had given an order that was conclusive to the accused persons regarding the offence under s. 302 of the PC, which allowed the appellant to file an appeal against the HCJ's decision. As such, the present appeal was mature, competent and entitled to be filed by the appellant.

(2) All the elements under s. 302 of the PC, including the mental element, had been successfully proved by the prosecution. In line with the requirement under s. 180 of the CPC, it was found that a *prima facie* case under s. 302 of the PC had been made out against the accused persons. In His Lordship's findings, the HCJ had clearly erred in fact and in law. Consequently, the High Court's decision was set aside, and the accused persons were ordered to enter their defence against the original charge under s. 302 of the PC.

(3) In a circumstance where the accused was called to enter his defence due to a finding that a *prima facie* case had been successfully proved, the accused possessed of no right to file his appeal at that stage. Moreover, according to the case of *Karpal Singh Ram Singh v. PP*, there is no requirement under the law which requires the court to give any grounds for deciding a *prima facie* case. It was clear that this court's decision for the present appeal could not be appealed, and the said appeal was also premature. The accused persons ought to file their defence against the original charge because their right to file an appeal would only arise at the end of the defence stage.

Kes-kes yang dirujuk:
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2010] 9 CLJ 625 FC ***(dirujuk)***
Karpal Singh Ram Singh v. PP [2012] 5 CLJ 537 FC ***(dirujuk)***
PP v. Letchumanan Suppiah [2009] 5 CLJ 652 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 3
Criminal Procedure Code, ss. 158, 173, 180
Penal Code, ss. 34, 302, 304(a)

Bagi pihak perayu - Tetralina Ahmed Fauzi & Dhiya Syazwani Izyan Mohd Akhir; TPR
Bagi pihak responden-responden - K Ponnusamy & A Ravikumar; T/n Ponnusamy & Assocs

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Ragunathan Selvamani & Kes Yang Lain [2025] CLJU 1456 (ditolak.]

Dilaporkan oleh Syamim Ariffin

PENGHAKIMAN

Ahmad Zaidi Ibrahim HMR:

Mukadimah

[1] Ketiga-tiga rayuan di sini, Rayuan Jenayah Nos: B-05-558-11-2023, B-05-559-11-2023 dan B-05-560-11-2023 difailkan oleh perayu (Pendakwa Raya) yang merayu terhadap keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam (YA HMT) bertarikh 27 Oktober 2023 bagi tiga kes perbicaraan jenayah yang telah dibicara dan diputuskan bersekali iaitu:

(i) Kes BA-45B-22-04-2021

PP lwn. Ragunathan Selvamani;

(ii) Kes BA-45B-11-05-2023

PP lwn. Sugumaran Veejakumaran; dan

(iii) Kes BA-45B-31-10-2022

PP lwn. Navukarasan Retinasingam.

[2] Selanjutnya, pihak-pihak akan dirujuk sepertimana mereka di Mahkamah Tinggi dalam perbicaraan jenayah di atas.

[3] Secara ringkas, dalam ketiga-tiga kes di atas, tertuduh pertama (Ragunathan), tertuduh kedua (Navukarasan) dan tertuduh ketiga (Sugumaran) (tertuduh-tertuduh) didakwa dengan niat bersama melakukan kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan (KK) dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama.

[4] Di akhir kes pendakwaan, YA HMT memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri bagi pertuduhan pindaan di bawah s. 304(a) KK.

[5] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan YA HMT memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri di bawah pertuduhan pindaan tersebut, merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan YA HMT tersebut. Hatta, ketiga-tiga rayuan jenayah di hadapan kami ini.

Keputusan Kami

[6] Setelah mempertimbangkan rayuan perayu di atas, kami secara sebulat suara mendapati terdapat merit dalam rayuan perayu dan dengan itu, kami membenarkan rayuan perayu. Ekoran itu, arahan/keputusan YA HMT memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri di bawah pertuduhan pindaan di bawah s. 304(a) KK adalah diketepikan.

[7] Kami mendapati satu kes *prima facie* di bawah pertuduhan asal, di bawah s. 302 KK telah dibuktikan di akhir kes pendakwaan. Susulan itu, tertuduh-tertuduh diarahkan untuk membela diri di bawah pertuduhan asal di bawah s. 302 KK.

[8] Kami membenarkan rayuan perayu atas alasan berikutnya.

Latar Belakang Dan Kronologi Rayuan

[9] Tertuduh-tertuduh telah dituduh bersama dua lagi yang masih bebas, dengan niat bersama telah melakukan kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan (KK) dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama.

Pertuduhan Asal

[10] Pertuduhan asal terhadap tertuduh-tertuduh adalah sepertimana berikutnya:

> Bahawa kamu bersama-sama 2 lagi yang masih bebas pada 14.08.2020 jam antara 1400 hrs hingga 1930 hrs di parkir Level 1, Pangsapuri Setia Impian, Jade Hill, 43000 Kajang, Selangor telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian Syamalan a/l Vijayakumar, (No. KP 930928-07-5087) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Akta yang sama.

[11] Kesemua mereka mengaku tidak bersalah dan meminta untuk dibicarakan.

[12] Susulan itu, ketiga-tiga kes di atas telah dibicarakan secara bersama di mana pihak pendakwaan telah memanggil seramai 21 orang saksi (SP1-SP21), sebelum menutup kes pendakwaan.

Keputusan/Dapatan YA HMT Di Akhir Kes Pendakwaan

[13] Di akhir kes pendakwaan, pada 27 Oktober 2023, YA HMT memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal dalam membuktikan satu kes *prima facie* di bawah s. 302 KK terhadap ketiga-tiga tertuduh. Namun, YA HMT mendapati keterangan yang dikemukakan mencukupi dalam membuktikan satu kes *prima facie* bagi kesalahan di bawah s. 304(a) KK.

[14] Secara ringkasnya, YA HMT mendapati pendakwaan gagal membuktikan elemen niat di pihak tertuduh-tertuduh untuk menyebabkan kematian si mati. Dapatan YA HMT adalah sepertimana tercatat dalam nota prosiding bertarikh 27 Oktober 2023, di mana YA HMT menyatakan:

> Mah: Saya ringkaskan kepada keputusan dan dapatan Mahkamah ini di akhir kes pendakwaan.
>
> Setelah meneliti dan membuat penilaian maksimum ke atas keterangan-keterangan yang telah dikemukakan, Mahkamah ini telah merumuskan pada akhir kes pendakwaan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* bagi pertuduhan kesalahan membunuh ataupun murder sepertimana elemen-elemen yang saya nyatakan tadi dalam Seksyen 300 Kanun Keseksaan yang mana jika sabit kesalahan hendaklah dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan terhadap Tertuduh-Tertuduh.

Namun, walau bagaimanapun, Mahkamah ini mendapati bahawa terdapat keterangan-keterangan yang mencukupi yang telah dikemukakan semasa perbicaraan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan suatu kes *prima facie* bagi kesalahan yang lain iaitu kesalahan menyebabkan kematian tidak terjumlah kepada membunuh yakni culpable homicide not amounting to murder yang boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

Oleh yang demikian, berdasarkan kuasa di bawah Seksyen 158 Kanun Tatacara Jenayah, Mahkamah dengan ini meminda pertuduhan terhadap Tertuduh 1, Tertuduh 2 dan Tertuduh 3 seperti yang akan dikemukakan.

[15] Susulan dapatan/keputusan beliau di atas, YA HMT meminda pertuduhan asal di atas dan memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri di bawah pertuduhan pindaan bagi kesalahan di bawah s. 304(a) KK sepertimana berikut:

Bahawa kamu bersama-sama 2 lagi yang masih bebas pada 14.08.2020 jam antara 1400 hrs hingga 1930 hrs di parkir Level 1, Pangsapuri Setia Impian, Jade Hill, 43000 Kajang Selangor telah melakukan kesalahan menyebabkan kematian yang tidak terjumlah kepada membunuh ke atas Syamalan a/l Vijayakumar (No K/P: 930928-07-5087) dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh yang mungkin menyebabkan kematian dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

[16] Pindaan kepada pertuduhan dilakukan oleh YA HMT di bawah s. 158 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang memperuntukkan bahawa:

158. Mahkamah bolehlah mengubah atau menambah pertuduhan.

(1) Mana-mana juga Mahkamah bolehlah mengubah atau menambah kepada sebarang pertuduhan pada bila-bila masa sebelum diumumkan keputusan perbicaraan itu.

(2) Tiap-tiap perubahan atau tambahan itu hendaklah dibaca dan diterangkan kepada Tertuduh.

[17] Ketiga-tiga tertuduh masih mengekalkan pengakuan tidak bersalah mereka terhadap pertuduhan pindaan tersebut di atas. Susulan itu, YA HMT telah menetapkan tarikh 21 dan 24 November 2023 untuk sambung bicara (kes pembelaan).

[18] Pada 7 November 2023, perayu memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan YA HMT tersebut, merayu terhadap arahan/keputusan YA HMT meminda pertuduhan asal dan dalam memanggil tertuduh-tertuduh membela diri atas pertuduhan pindaan di atas.

Alasan Rayuan Perayu/Pendakwaan

[19] Perayu mendakwa YA HMT telah terkhilaf dalam dapatan fakta dan undang-undang apabila mendapati niat telah gagal dibuktikan.

[20] Secara ringkas, perayu mendakwa YA HMT telah terkhilaf apabila:

(i) gagal mengambil kira keterangan yang melimpah ruah (overwhelming), yang menunjukkan tertuduh-tertuduh berniat untuk membunuh si mati;

(ii) gagal membuat inferens bagi menunjukkan tertuduh-tertuduh dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh si mati yang secara lazimnya akan menyebabkan kematian sedangkan ahli forensik (SP8) mengesahkan kecederaan itu 'sufficient in the ordinary course of nature to cause death';

(iii) gagal membuat inferens bagi menunjukkan bahawa tertuduh-tertuduh telah dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh si mati mana secara lazimnya akan menyebabkan kematian sedangkan fakta menunjukkan si mati telah dipukul berulang kali oleh tertuduh-tertuduh sejak jam 2.30 petang sehingga jam 6 petang;

(iv) gagal membuat inferens yang sewajarnya bahawa tertuduh-tertuduh berniat menyebabkan kematian sedangkan fakta menunjukkan tertuduh-tertuduh secara kolektifnya dan bersama telah menyebabkan kematian si mati; dan

(v) gagal mengambil kira terdapat motif di pihak tertuduh-tertuduh iaitu, si mati terlibat di dalam pertikaian urusan jualan dadah yang melibatkan si mati dan tertuduh-tertuduh.

Bantahan Awal Tertuduh-Tertuduh

[21] Di peringkat permulaan rayuan ini, peguam membangkitkan satu bantahan awal atas isu undang-undang.

[22] Peguam berhujah bahawa rayuan perayu di sini adalah pramatang kerana difailkan di peringkat perbicaraan yang masih belum tamat. Peguam merujuk kepada kes *Karpal Singh Ram Singh v. PP* [2012] 5 CLJ 537 dan *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2010] 9 CLJ 625.

[23] Peguam berhujah arahan/perintah YA HMT di akhir kes pendakwaan supaya tertuduh-tertuduh membela diri di bawah pertuduhan pindaan adalah satu arahan/perintah (ruling) yang diberikan semasa proses perbicaraan masih berjalan (in the course of trial) dan masih belum muktamad.

[24] Peguam merujuk kepada tafsiran di bawah s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act 1964) yang memperuntukkan:

> Tafsiran
>
> 3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -
>
> "keputusan" termasuklah penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kuasa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad.

[25] Peguam juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Karpal Singh Ram Singh v. PP* (*supra*) di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa dapatan yang dibuat semasa dalam proses perbicaraan tidak terjumlah kepada suatu yang memuktamadkan prosiding perbicaraan ("finality to the proceeding") dan tidak menghilangkan ("disposed of") hak pihak terkilan untuk merayu, maka peguam mendakwa rayuan perayu di sini adalah satu yang pramatang dan tidak kompeten untuk didengar oleh kami.

[26] Dalam menentang dan menjawab bantahan awal peguam di atas, Timbalan Pendakwa Raya terpelajar (TPR) berhujah sebaliknya. TPR merujuk kepada kes *PP v. Letchumanan Suppiah* [2009] 5 CLJ 652; [2009] 5 MLJ 597 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Pendakwa Raya berhak untuk merayu terhadap keputusan mahkamah walaupun di peringkat akhir kes pendakwaan.

Keputusan Kami

Keputusan Kami – Bantahan Awal Tertuduh-tertuduh

[27] Setelah menimbang hujahan peguam dan TPR terpelajar di atas, kami bersetuju dengan hujahan TPR. Kami merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan dalam kes *Letchumanan Suppiah* (*supra*), di mana YA Hashim Mohd Yusoff HMP memutuskan:

> [9] Although it is the respondent's counsel's argument that since the respondent could not appeal as the matter has not been finally disposed of yet, therefore the same should apply to the prosecution to prevent them from appealing against the order of the Court of Appeal asking the respondent to answer on the reduced charge of possession, *I would agree with the learned DPP's submission that it does not necessarily mean so. The reason is that the original charge against the respondent was one of trafficking. The effect of the Court of Appeal's decision to call the defence on the reduced charge of possession would mean that the respondent had been acquitted of the original charge of trafficking. If the trial were to continue on the basis of possession, then the respondent could only be required to rebut the presumption of possession. It would also mean that the prosecution could only get back the original charge of trafficking by appealing to the Federal Court at this stage, as it did in the instant appeal. The effect of the Court of Appeal's order is that the charge of trafficking has been finally disposed of by calling for the defence only for possession. It is my considered opinion that this would be the correct time for the public prosecutor to appeal against the Court of Appeal's decision if he wants the case to continue on the trafficking charge and not wait to file his appeal at the end of the whole trial.* (penekanan ditambah)

[28] Menurut Mahkamah Persekutuan lagi:

> *The effect of the Court of Appeal's decision to call the defence on the reduced charge of possession would mean that the respondent had been acquitted of the original charge of trafficking.* (penekanan ditambah)

[29] Berdasarkan prinsip dalam kes *Letchumanan Suppiah* (*supra*) di atas, kami mendapati keputusan YA HMT meminda pertuduhan asal kepada kesalahan yang lebih rendah iaitu, kepada s. 304 (a) KK membawa kesan bahawa tertuduh-tertuduh telah dibebaskan dari pertuduhan asal di bawah s. 302 KK. Hatta, pada hemat kami, YA HMT telah memberikan satu perintah yang muktamad terhadap tertuduh-tertuduh berhubung kesalahan di bawah s. 302 KK, yang membolehkan rayuan terhadapnya difailkan oleh Pendakwa Raya (perayu).

[30] Pada hemat kami, dalam keadaan dan fakta kes ini, Pendakwa Raya (perayu) berhak merayu terhadap keputusan YA HMT membebaskan tertuduh-tertuduh daripada pertuduhan bagi kesalahan s. 302 KK (pertuduhan asal) dan terhadap arahan/keputusan YA HMT memanggil mereka untuk membela diri di bawah s. 304(a) KK (pertuduhan pindaan).

[31] Setelah menimbang hujahan dan nas-nas undang-undang yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, kami tidak dapat menerima hujahan peguam tertuduh. Berdasarkan prinsip undang-undang mantap, sepertimana yang diputuskan oleh mahkamah dalam kes *Letchumanan Suppiah* (*supra*) kami mendapati bantahan awal tertuduh-tertuduh adalah tidak pramatang dan adalah kompeten untuk kami mendengarnya. Dalam keadaan kes ini, bantahan awal tertuduh-tertuduh di sini adalah tidak bermerit.

[32] Seterusnya, kami beralih kepada rayuan yang difailkan seterusnya kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan kami bertarikh 9 Oktober 2024 di mana kami membenarkan rayuan perayu (Pendakwa Raya) di sini dan telah mengetepikan keputusan YA HMT bertarikh 27 Oktober 2023, yang mana kami telah memutuskan satu kes *prima facie* bagi pertuduhan asal di bawah s. 302 KK telah gagal dibuktikan. Sebaliknya, setelah kami mempertimbangkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, kami mendapati setiap inti pati pertuduhan asal tersebut, termasuk inti pati niat telah berjaya dibuktikan. Selaras kehendak s. 180 KTJ, kami mendapati satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan. Dalam keadaan itu kami mendapati YA HMT telah nyata terkhilaf dalam dapatan fakta dan undang-undang. Oleh itu, kami mengetepikan keputusan YA HMT tersebut dan memerintahkan supaya tertuduh-tertuduh membela diri di bawah pertuduhan asal, di bawah s. 302 KK.

[33] Persoalan seterusnya adalah, adakah tertuduh-tertuduh berhak merayu seterusnya kepada Mahkamah Persekutuan Malaysia, sepertimana yang dilakukan peguam di sini, terhadap perintah/keputusan kami memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri di bawah pertuduhan asal, setelah kami mendapati satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[34] Prinsip undang-undang adalah jelas lagi mantap iaitu, dalam keadaan di mana tertuduh telah dipanggil untuk membela diri ekoran dapatan bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan, tertuduh tidak mempunyai hak

untuk merayu di peringkat itu. Mahkamah tertinggi negara kita telah memutuskan dengan jelas sedemikian. Kami merujuk kepada kes *Karpal Singh Ram Singh* (*supra*) yang memutuskan bahawa tiada keperluan di bawah peruntukan undang-undang bagi mahkamah untuk memberikan alasan dalam memutuskan kes *prima facie*.

[35] Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes *Letchumanan Suppiah* (*supra*)/*Karpal Singh* (*supra*) di mana dalam mengesahkan keputusan Mahkamah Rayuan Malaysia bagi kes *Saad Abas* (*supra*) telah memutuskan bahawa:

> [10.4] It is pertinent to cite the case of *Saad bin Abas & Anor v. Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 129 [TAB 8] at page 133 to 134 whereby the Court of Appeal had elucidated the significance of two tier appeals in criminal justice system when the case is concluded upon the proof of beyond reasonable doubt by the prosecution against the accused. Hence, *a prima facie ruling is never a final destiny for the Respondents.* The relevant passage is reproduced as follows:
>
> > A complete criminal trial involves both the case for the prosecution and the case for the defence. This is implied from the very charge itself. A charge accuses a person of having committed an offence. That suggests that he has to put up his defence. *The moment the prosecution has proved its case meaning that the Court has decided that there is a case for the accused to answer, the accused must therefore forthwith enter his defence. So it would be premature to question whether the decision calling for the accused to enter his defence was right or wrong. The proceedings must continue until the end of the case for the defence and only then would the Court be able to finally decide the fate of the accused.*
> >
> > (penekanan ditambah)

[36] Pada hemat kami, adalah terang lagi bersuluh bahawa keputusan kami bertarikh 9 Oktober 2024 yang mengetepikan keputusan/arahan YA HMT dan mengarahkan tertuduh-tertuduh dipanggil membela diri di bawah pertuduhan asal, tidak melupuskan perbicaraan terhadap tertuduh-tertuduh di hadapan Mahkamah Tinggi tersebut secara muktamad.

[37] Berdasarkan prinsip undang-undang mantap sepertimana yang diputuskan dalam kes-kes *Letchumanan* (*supra*), *Saad Abas* (*supra*) dan *PP v. Moktar Radin & Anor* (Criminal Appeal Nos: W-05-406-09-2023 & W-05-407-09-2023) adalah jelas keputusan/arahan kami tersebut adalah satu yang tidak boleh dirayu. Rayuan tertuduh-tertuduh, dalam keadaan dan fakta kes ini pada hemat kami, merupakan suatu yang pramatang.

[38] Selaras dengan kehendak undang-undang sepertimana yang diputuskan dalam kes-kes yang dirujuk di atas, tertuduh-tertuduh hendaklah mengemukakan pembelaan mereka di peringkat kes pembelaan. Hak tertuduh-tertuduh untuk merayu berhubung dengan merit hanya timbul di akhir kes pembelaan kelak. Daripada segi tersebut, hak mereka untuk merayu tidak pernah dirampas atau dinafikan. Mereka tidak sekali-kali diprejudiskan.

[39] Kami menutup alasan penghakiman kami di sini dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan ini dalam kes *PP v. Moktar Radin & Anor* (*supra*) berkait dengan s. 173 KTJ di mana Mahkamah Rayuan Malaysia berkata:

> A trial will typically commence with an accused facing a charge. The prosecution will then commence its case against the accused by calling witnesses and tendering evidence to support its case against the accused. At the end of the prosecution's case, the trial court will need to analyse the testimonies of the witnesses and evidence produced on a maximum evaluation and decide whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused. A *prima facie* case is established against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence, which would warrant a conviction if unrebutted or unexplained. There are only two possibilities. If the court finds that the prosecution has not established a *prima facie* case against the accused, the court shall acquit the accused.
>
> These procedures and criteria are set out under section 173 CPC. *The provisions under section 173 CPC are mandatory. Once the court finds that the prosecution has made out a prima facie case against the accused, it "shall call upon the accused to enter on his defence". Because of the word "shall" the court has no other option. Can this decision then be subjected to a revision?*
>
> *It is established law that the accused cannot appeal a decision to call for a defense. The court's findings at this stage are not subject to appeal, as they do not constitute a final resolution of the respondents' rights.* Requesting a revision of these findings is essentially the same as filing an appeal against them. The due process of the trial must continue, allowing the respondents to present their defense. The respondent's application is, in fact, an interlocutory appeal masquerading as a revision application. *The court's determination of a prima facie case against the respondents here can only be challenged in an appeal after the trial, specifically at the conclusion of the defense's case.*
>
> (penekanan ditambah)

Kesimpulan

[40] Berdasarkan alasan di atas, selaras dengan kedudukan undang-undang mantap sepertimana yang telah dikupas di atas, kami tidak perlu memberikan alasan bagi keputusan kami dalam memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri bagi pertuduhan asal di bawah s. 302 KK dan dalam mendapati satu kes *prima facie* di bawah pertuduhan asal tersebut telah dibuktikan di akhir pendakwaan.